

Persepsi Keberkesanan Program Kemahiran TVET dalam Kalangan Pelajar Institusi Tahfiz Daerah Kota Tinggi Melalui Pendekatan Heutagogi

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 91-97
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 13 February 2022
Accepted: 28 February 2022
Published: 11 March 2022

[The Perception of Effectiveness TVET Skills Program among Kota Tinggi Tahfiz Students' through Heutagogy Approach]

Hasniza Tawyer & Hanirah Mohamad Nur¹

1 Kolej Komuniti Kota Tinggi, Jalan Abdulah, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor, MALAYSIA.
Email: hasniza@kkkotatinggi.edu.my; hanirah@kkkotatinggi.edu.my

* Corresponding Author: hasniza@kkkotatinggi.edu.my

Abstrak

Landskap dunia Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah berubah sepenuhnya daripada secara bersemuka kepada secara atas talian akibat daripada pandemik COVID-19. Situasi ini secara tidak langsung telah memberi impak yang besar dalam pelaksanaan Program Kemahiran TVET yang dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) dalam kalangan pelajar institusi tahfiz daerah Kota Tinggi. Sehubungan dengan itu, KKKT mengambil inisiatif melaksanakan Program Kemahiran TVET dalam kalangan pelajar institusi tahfiz melalui pendekatan Heutagogi. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan dan persepsi keberkesanan Program Kemahiran TVET pelajar institusi tahfiz daerah Kota Tinggi melalui pendekatan Heutagogi. Di mana, melibatkan seramai 36 orang pelajar Madrasah Tahfiz An-Naurah, Kota Tinggi. Dilaksanakan secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif untuk mencari kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pelaksanaan program dan tahap persepsi keberkesanan program berada pada tahap tinggi dengan nilai skor masing-masing ialah 4.398 dan 4.296. Program kemahiran TVET seumpama ini patut diteruskan dalam kalangan pelajar institusi tahfiz agar aliran TVET ini menjadi penghubung latar belakang yang berbeza. Seterusnya membantu pelajar institusi tahfiz ini memperoleh peluang pekerjaan yang lebih luas berbekalkan kemahiran yang diperolehi.

Kata kunci: Heutagogi; Kemahiran TVET; Pendidikan Islam Sepanjang Hayat; Pelajar Tahfiz.

Abstract

The landscape of Teaching and Learning (T&L) has completely changed from face-to-face to online due to the COVID-19 pandemic. This situation has indirectly had a major impact on the implementation of the TVET Skills Program implemented by Kota Tinggi Community College (KKKT) among students of Kota Tinggi tahfiz institutions. In this regard, KKKT took the initiative to implement the TVET Skills Program among students of this institution through the Heutagogi approach. This study was carried out to identify the level of implementation and perception of the effectiveness of the TVET Skills Program of students of the Kota Tinggi this institution through the Heutagogi approach. A total of 36 madrasah Tahfiz An-Naurah students were involved. Performed quantitatively and descriptively analysis to find the frequency, percentage, mean value and standard deviation. The results of the study found that the level of program implementation and the level of perception of the effectiveness of the program were at a high level with the score being 4.398 and 4.296 respectively. Such TVET skills programs should be continued among students of these institutions so that the TVET stream becomes a link to different backgrounds. In turn, help the students of this tahfiz institution to obtain a wider employment opportunity with the skills acquired.

Keywords: Heutagogi; TVET skills; Lifelong Islamic Education; Tahfiz students

Cite This Article:

Hasniza Tawyer & Hanirah Mohamad Nur. 2022. Persepsi keberkesanan program kemahiran TVET dalam kalangan pelajar institusi tahfiz Daerah Kota Tinggi melalui pendekatan heutagogi [The perception of effectiveness TVET skills program among Kota Tinggi Tahfiz Students' through heutagogy approach]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 91-97.

Pengenalan

Menurut Norsalim et al., (2021), laluan TVET kini telah terbuka luas dan semakin diterima ramai begitu juga penerimaan dalam kalangan pelajar Tahfiz dan Sekolah Pondok. Secara tidak langsung, ia telah memberi ruang dan peluang kepada mereka memperoleh kemahiran yang dapat digunakan untuk menjana pendapatan. Sehubungan dengan itu, Kolej Komuniti telah mengambil inisiatif memberi dan menyediakan latihan kemahiran kepada golongan tersebut. Dalam melaksanakan latihan kemahiran, pelbagai pendekatan telah diambil bagi memudahkan penyampaian PdP.

Seiring dengan era digital kini, PdP tidak hanya tertumpu kepada pensyarah sepenuhnya sebaliknya ia tertumpu kepada PdP berpusatkan pelajar (Alias et al., 2021). Menurut Kenyon & Hase (2001), peredaran masa menyebabkan landskap TVET di Australia telah berubah daripada Andragogi kepada Heutagogi bagi mengoptimumkan pembelajaran abad ke-21.

Melalui Heutagogi, kematangan pelajar dapat dipertingkatkan kerana kaedah ini membolehkan pelajar untuk merancang aktiviti PdP mereka mengikut minta masing-masing (Saamri et al., 2021).

Pendekatan Heutagogi dalam Program Kemahiran TVET

Heutagogy mempunyai implikasi yang besar dalam pengaruh dunia pendidikan terutama pendidikan orang dewasa. Di mana, ia dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan sikap dalam konteks pendidikan TVET. Ia juga memotivasikan pendidik untuk mendalami subjek yang digemari (Mohamad et al., 2021).

Menurut Kenyon & Hase (2001), Heutagogi merupakan kaedah alternatif dalam menambah minat pelajar dalam PdP, dapat meningkatkan kemandirian pelajar dan seterusnya matlamat pembelajaran sepanjang hayat dapat dicapai.

Di dalam kemahiran TVET, Heutagogi memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menentukan bagaimana pengetahuan dan kemahiran perlu diajar di mana, pelajar perlu mempunyai pembelajaran arahan sendiri (*self-directed learning skills*) (Alias et al., (2021); Kenyon & Hase, (2001)).

Alias et al., (2021) juga berpendapat bahawa Heutagogi merupakan pilihan yang sangat tepat dalam melaksanakan PdP sewaktu tempoh pandemik ini kerana ia mempunyai elemen-elemen yang sangat sesuai berkonsepkan pembelajaran terbuka dan tanpa sempadan serta terdapat faktor luaran yang menjadi pembimbing dalam memperolehi maklumat yang tepat.

Penyataan Masalah

Menurut Wilayahku (2021), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah memperuntukkan kewangan kepada beberapa buah Kolej Komuniti Malaysia bagi melaksanakan Program Kemahiran TVET bagi memastikan kemahiran TVET dapat disebarluaskan dalam kalangan pelajar institusi tahfiz dan sekolah pondok di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, KKKT telah memilih Madrasah Tahfiz An-Naurah, Kota Tinggi bagi merealisasikan program tersebut. Sebanyak tiga (3) kursus telah dilaksanakan daripada kluster Katering dan Sajian antaranya Kursus Pendek Penghasilan Mini Pizza, Kursus Pendek Penghasilan Donut dan Kursus Pendek Penghasilan Kek Coklat Lembap.

Walaupun begitu, Program Kemahiran TVET ini tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka Bersama-sama dengan pelajar atas kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Oleh itu, Program Kemahiran TVET ini terpaksa dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian melalui pendekatan Heutagogi.

Objektif dan Skop Kajian

Bagi merealisasikan Program Kemahiran TVET tersebut, KKKT telah memilih Madrasah Tahfiz An-Naurah, Kota Tinggi dalam mengenal pasti tahap pelaksanaan dan persepsi keberkesanan Program Kemahiran TVET.

Metadologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif dalam mencari nilai min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan dan persepsi keberkesanan Program Kemahiran TVET tersebut. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian bagi memudahkan data diperolehi. Edaran soal selidik diedarkan kepada pelajar sebaik sahaja ketiga-tiga modul kursus selesai dilaksanakan.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian ini terdiri daripada 36 orang pelajar Madrasah Tahfiz An-Naurah, Kota Tinggi.

Instrumen Kajian/Pengumpulan Data

Soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian yang telah dijalankan oleh (Baskaran et al., (2021); Hussin et al., (2021) yang meliputi aspek kandungan modul, aspek yang diperolehi oleh peserta, tempoh kursus dan kaedah penaksiran.

Soal selidik ini terbahagi kepada dua (2) bahagian. Bahagian A mengenai Pelaksanaan Program Kemahiran TVET dan bahagian B mengenai Persepsi Pelajar Tahfiz Madrasah An-Naurah terhadap Keberkesanan Program TVET tersebut. Borang soal selidik ini terdiri daripada 12 item yang berskala likert lima (5) pemeringkatan pilihan iaitu satu (1) – Sangat Lemah sehingga lima (5) – Sangat Baik. Item – item yang terdapat di dalam soal selidik tersebut merangkumi kesesuaian tempat kursus (di kediaman masing-masing), penyampaian jelas dan difahami, masa dan tempoh kursus mencukupi, pengetahuan dalam bidang kursus, kemahiran dalam bidang kursus, yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, membantu peningkatan kerjaya, membantu memulakan perniagaan dan membantu mengembangkan perniagaan.

Analisis Data

Hasil dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif untuk mencari nilai sisihan piawai dan nilai min. Jadual 1 menunjukkan jadual interpretasi nilai skor min yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Jadual 1 Interpretasi Skala Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 5.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Wiersma W., (1995)

Kebolehpercayaan Instrumen

Ujian kebolehpercayaan instrumen telah dilaksanakan bagi memastikan setiap item yang terdapat di dalam borang soal selidik mudah difahami oleh responden kajian. Hasil ujian menunjukkan bahawa nilai Cronbach's Alpha ialah .925 bagi 12 item yang terdapat di dalam borang soal selidik yang telah dibangunkan.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Kesemua item penilaian pelaksanaan program menunjukkan pada tahap tinggi. Pelaksanaan program dinilai dari segi penyampaian isi kandungan mencapai objektif, cara penyampaian yang menarik, kandungan kursus yang teratur, tempat kursus yang sesuai, penyampaian yang jelas dan difahami, dan tempoh masa yang mencukupi. Penyampaian dan bimbingan fasilitator yang bagus memberikan persepsi positif kepada responden yang mengikuti bengkel Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Namun begitu, tempoh masa perlu ditambah bersesuaian dengan bengkel kerana guru-guru ingin mendalami ilmu PBD (Baskaran et al., 2021). Tempoh masa dan tempoh kursus mencukupi menunjukkan nilai min tertinggi (4.5000). Di mana, setiap kursus ini dilaksanakan selama lebih kurang lapan (8) jam. Tenaga pengajar berkongsi video rakaman bersama responden sebelum kursus bermula bertujuan bagi memudahkan sesi PdP secara atas

talian dilaksanakan. Responden juga dibekalkan bahan-bahan yang dihantar ke setiap rumah responden. Setengah jam pertama, responden diminta untuk membuka video terlebih dahulu. Selepas itu, tenaga pengajar akan memulakan sesi PdP. Sesi PdP lebih berpusatkan kepada pelajar. Pelajar diminta untuk mengemukakan soalan jika terdapat kemusykilan. Tenaga pengajar menjadi pemudahcara sepanjang sesi PdP berlangsung. Oleh itu, tempoh yang diberikan amat mencukupi bagi satu-satu tempoh kursus yang dilaksanakan.

Jadual 2 Analisis Item bagi Pelaksanaan Program Kemahiran TVET

	N	Minimum	Maksimum	Nilai Min	Sisihan Piawai
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	36	3.00	5.00	4.2778	.61464
Cara penyampaian menarik	36	3.00	5.00	4.3889	.68776
Kandungan kursus teratur	36	3.00	5.00	4.4444	.55777
Tempat kursus sesuai	36	3.00	5.00	4.3889	.54917
Penyampaian jelas dan difahami	36	3.00	5.00	4.3889	.54917
Masa dan tempoh kursus mencukupi	36	3.00	5.00	4.5000	.56061

Keseluruhan analisis item bagi persepsi keberkesanan Program Kemahiran TVET berada pada tahap tinggi melibatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kursus, keyakinan dan membantu dalam peningkatan kerjaya. Responden dilihat berupaya menentukan laluan pembelajaran masing-masing mengikut pilihan, keperluan, minat dan tujuan hidup mereka (Saamri et al., 2021). Responden mendapati bahawa kursus-kursus yang diikuti dapat membantu dalam memulakan perniagaan. Responden mempunyai minat dalam bidang keusahawanan. Selaras dengan objektif utama, Program Kemahiran TVET ini dilaksanakan adalah untuk membuka dan memberi ruang kepada responden untuk peroleh kemahiran yang pelbagai dalam memulakan perniagaan. Secara tidak langsung program ini telah membuka ruang kepada responden dalam memperluaskan peluang peroleh kerjaya yang lebih cerah pada masa hadapan.

Jadual 3 Analisis Item bagi Persepsi Keberkesanan Program Kemahiran TVET

		N	Minimum	Maksimum	Nilai Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan dalam bidang kursus		36	2.00	5.00	4.3056	.74907
Kemahiran dalam bidang kursus		36	2.00	5.00	4.2500	.73193
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari		36	3.00	5.00	4.2500	.76997

Membantu peningkatan kerjaya	36	3.00	5.00	4.3056	.62425
Membantu memulakan perniagaan	36	3.00	5.00	4.3611	.63932
Membantu mengembangkan perniagaan	36	2.00	5.00	4.3056	.70991

Jadual 4 Nilai Min Keseluruhan Pelaksanaan dan Persepsi Keberkesanan Program Kemahiran TVET

	N	Minimum	Maksimum	Nilai Min	Sisihan Piawai
Nilai Min Pelaksanaan Program	36	3.00	5.00	4.3981	.49486
Nilai Min Persepsi Keberkesanan Program	36	3.00	5.00	4.2963	.61089

Secara keseluruhannya, nilai min bagi pelaksanaan dan persepsi keberkesanan program berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden berpendapat kursus yang dilaksanakan sangat bagus bagi menambah kemahiran mereka dan berharap kursus seumpama ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Kesimpulan dan Cadangan

Perlaksanaan Program Kemahiran TVET melalui pendekatan Heutagori ini telah memberi landskap baru dalam kalangan pelajar tahfiz Madrasah An-Naurah. Ini patut diteruskan dan diperluaskan ke kebanyakan pusat tahfiz yang terdapat di daerah Kota Tinggi. Program seumpama ini bukan sahaja memberi kemahiran kepada pelajar tahfiz, tetapi ia juga telah membuka ruang dan peluang untuk perolehan pekerjaan serta mengembangkan bakat dalam dunia perniagaan. Pada masa akan datang juga, KKKT perlu mempelbagaikan jenis kursus agar kepelbagaian kemahiran dapat diperolehi dan dipraktikkan. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan dan peruntukannya dapat disalurkan agar Bersama-sama dalam menaikkan lagi taraf pendidikan kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz dan sekolah pondok.

Rujukan

- Alias, N., Daud, Z., & Hasin, A. (2021). Relevansi Pendekatan Heutagori Dalam Pengajian Qirā'āt Di Era Revolusi Industri 4.0. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, October, 6–7.
- Baskaran, K., Rajeswari, V. P., & Saraswathy Kuthirakkal, K. (2021). Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(1), 51–72.
- Hussin, A., Yaacob, H., Harun, S., Jusoh, R., Yassin, Z., Zakaria, A., Bibi, J., Subramaniam, S., & Husien, M. (2021). Impak Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan

- Kebangsaan (NPQEL 2.0) terhadap Pemimpin Sekolah. *Management Research Journal*, 10(Special Issue), 66–81.
- Kenyon, C., & Hase, S. (2001). Moving from Andragogy to Heutagogy in Vocational Education. *Proceedings of the 4th Annual Australian Vocational Education and Training Research Association (AVETRA) Conference*, 8.
- Mohamad, M. M., Zakaria, A. F., Ahmad, A., & Mohd Affendi, H. (2021). Improvement of TVET's Educators Competency in Heutagogy Context. *Online Journal for TVET Practitioners Improvement*, 2, 35–40. <https://doi.org/https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.005>
- Norsalim, P. M. N., Akbarruddin, M. N. A., Abdul Basir, N. S., Muda, W. H. N. W., & Jeinie, M. H. (2021). Challenges in Establishing Vocational Skills in Tahfiz Curriculum at Malaysian Tahfiz Centre. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(16). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i16/11217>
- Saamri, N., Nawawi, S., & Ramli, R. (2021). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Penggunaan Kemudahan di atas Talian untuk Menyokong Aktiviti Pembelajaran Fleksibel Berdasarkan Elemen Rekabentuk Pendekatan Heutagogi. *International Journal of Modern Education*, 3(8), 35–48. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.38004>
- Wilayahku. (2013). Pembelajaran Sepanjang Hayat. Wilayahku, 1–4. <https://www.wilayahku.com.my/pembelajaran-sepanjang-hayat/#.Yevz3f5ByUk>
- Wiersma, W. (1985). *Research methods in education: An introduction* (No. LB 1028. W53 1985).